

B537:
MAHATHIR ๑'๑'๑

OLEH JAMIL ABDULLAH DAN ABDUL RAHMAN SULAIMAN

1981

KUALA LUMPUR, 26 OKT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ADALAH MENJADI +IMPIAN+ BELIAU UNTUK MELIHAT MALAYSIA MENJELMA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MAJU YANG MENDAPAT PENGHORMATAN ANTARABANGSA YANG SAMA DENGAN LAIN-LAIN NEGARA MAJU TANPA KEHILANGAN NILAI-NILAI BUDAYA DAN ROHANI YANG ADA PADANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MESKIPUN DARI SEGI BANDINGAN NEGARA KINI MULAI MENDAPAT PENGHORMATAN SEDEMIKIAN, IA MASIH BELUM MENCA-PAI TARAF YANG SAMA DENGAN NEGARA MEMBANGUN.

+MASIH BANYAK LAGI PERINGKAT YANG PERLU DICAPAI,+ KATANYA DALAM SATU TERMURAMAH KHAS DENGAN BERNAMA DAN WAKIL DUA BUAH KUMPULAN AKHBAR TEMPATAN TERBESAR DI SINI, SEMPERNA 100 HARI BELIAU MENYAN- DANG JAWATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI PERDANA MENTERI KE-EMPAT MALAYSIA DI HADAPAN YANG DI-PERTUAN AGONG PADA 16 JULAI BERIKUTAN DENGAN PENUNDURAN DIRI TUN HUSSEIN ONN.

HARI KE-SERATUS DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJADI PERDANA MENTERI JATUH PADA HARI JUMAAT LALU. — BERSAMBUNG 1637/1B

B538:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR ๑'๑'๑

TEMURAMAH SECARA SPONTAN ITU DILANGSUNGKAN DI PEJABAT BELIAU DALAM SUASANA YANG TENANG DAN +INFORMAL+.

PERDANA MENTERI MENGAMBIL MASA LEBIH DUA JAM MENJAWAB BERBAGAI SOALAN MENGENAI BERBAGAI PERKARA DAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA SECARA TERUS TERANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM KEADAAN SEKARANG, SETENGAH NEGARA MAJU MASIH LAGI BERSIKAP +PATRONISING+ TERHADAP MALAYSIA.

SEBAGAI SATU BANGSA, RAKYAT MALAYSIA PATUT DIPUPUK DENGAN SEMANGAT +KEJAYAAN+ SUPAYA MEREKA DAPAT +BERDIRI SAMA TINGGI DAN DUDUK SAMA RENDAH+ DENGAN ORANG LAIN TANPA DIPERHINA-INA LAGI.

+BAGI SAYA INI PENTING, SAYA TAK HENDAK KALAU SAYA PERGI MANA- MANA, KALAU SAYA KATA SAYA DATANG DARI MALAYSIA, ORANG AKAN KATA: AH... +THE LAZY MALAY.+

+MACAM DULULAH, SAYA TAK MAU MACAM ITU. SEDIKIT SEBANYAK ORANG MELAYU PUNYA KELEMAHAN TU DIPALITKAN KEPADA ORANG-ORANG MALAYSIA YANG LAIN. ITU YANG SAYA TAK TAHAN SEKALI,+ KATANYA. — BERSAMBUNG 1642/1B

B540:
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR ๑'๑'๑'

DITANYA TENTANG CABARAN TERBESAR YANG DIHADAPINYA DALAM TEMPON 100 HARI LALU, PERDANA MENTERI BERKATA: "CABARAN TERBESAR SEKALI IALAH HENDAK MENERAKKAN SEMUA ORANG, BUKAN SAHAJA PARA PEGAWAI TETAPI JUGA SEMUA PENDUDUK NEGARA INI."

KATANYA RAKYAT PERLU DISEDARKAN TENTANG PERANAN MASING-MASING DALAM PEMBANGUNAN NEGARA, BUKAN SAHAJA DARI SEGI MATERIAL TETAPI JUGA DARI SEGI SPIRITUAL.

"SEPERTI KATA PEPATAH INGGERIS, SESEORANG ITU TIDAK BOLEH HIDUP DENGAN HANYA MEMAKAN ROTI," JELAS BELIAU.

DITANYA SAMADA BELIAU BERJAYA MENCAPAI APA YANG DIKEHENDAKINYA SELAMA INI, PERDANA MENTERI MENINGATKAN APABILA BELIAU MENGAMBIL ALIH JAWATAN DARI TUN HUSSEIN DULU, BELIAU MEMINTA RAKYAT MEMBERINYA TEMPON SETAHUN KERANA "SAYA RASA SETELAH TEMPON SETAHUN, KITA MUNGKIN DAPAT LIHAT PERBEZAAN."

"SAMADA TERDAPAT SEBARANG PERBEZAAN ATAU TIDAK DALAM TEMPON 100 HARI LALU, TERLALU SUKAR UNTUK SAYA KATAKAN." — BERSAMBUNG 1707/LK

B541:
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR ๑'๑'๑'

"MEMANGLAH SAYA TAHU APA ARAHAN-ARAHAN YANG TELAH SAYA KELUARKAN. SAMADA ARAHAN-ARAHAN INI DIJALANKAN, SAMADA IA BERKESAN ATAU TIDAK, ADALAH LEBIH MUDAH BAGI ORANG DI LUAR UNTUK MENILAINYA," KATA BELIAU.

"DUDUK DALAM BILIK INI, BERI ARAHAN, BUAT KEPUTUSAN DAN SEMUA ITU TIDAK MEMBERIKAN SAYA PERSPEKTIF DARI LUAR TENTANG BAGAIMANA ARAHAN-ARAHAN TERSEBUT DITERIMA."

"ORANG BOLEH BERKATA DIA SUDAH BERI ARAHAN ITU, ARAHAN INI TAPI APA KESANNYA? SAYA SENDIRI TAK TAHU," TEGAS PERDANA MENTERI.

PERHATIAN BELIAU DIALIH KEPADA APA YANG DIANGGAP SEBAGAI HASRAT RAKYAT SEKARANG BERIKUTAN DENGAN PENGAMBIL ALIHAN PUCUK PIMPINAN OLEH KERAJAAN BELIAU.

"TIDAKKAH DATUK MERASAKAN PAHAWA RAKYAT KINI SUDAH DISOGOKKAN DENGAN SESUATU YANG BARU? RAMAI ORANG MENGANGAP KITA SEDANG MELALUI ZAMAN PERALIHAN, SATU TRANSFORMASI YANG DISEBUT TRANS-FORMASI 2-M (MAHATHIR-MUSA). KINI TERDAPAT SATU HALUAN BARU, HALUAN UNTUK MENGWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG BERSIH, CEKAP DAN BERDISIPLIN. PATUTKAN RAKYAT BERHARAP DEMIKIAN?" BELIAU
DITANYA. — BERSAMBUNG 1711/LK

B542:

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

"MEMANGLAH ITU YANG SAYA HARAPKAN, TAPI SAMADA APA YANG BERLAKU SEKARANG BENAR-BENAR BEGITU, ITU PERKARA LAIN PULA. MEMANGLAH APA YANG SAUDARA KATAKAN ITU, SAYA DAN MUSA (TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM) INGIN LIHAT BERLAKU DALAM NEGARA INI," JAWAB BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN DENGAN PANJANG LEBAR TENTANG DASAR EKONOMI BARU, MASALAH RASUAH, MASALAH PERPADUAN KAUM, HUBUNGAN MALAYSIA-BRITAIN DAN PANDANGAN BELIAU TENTANG HUBUNGAN ANTARABANGSA.

MENGENAI DASAR EKONOMI BARU, BELIAU MENJELASKAN DASAR TERSEBUT TIDAK MERUPAKAN SEMATA-MATA DASAR EKONOMI SAHAJA, TETAPI JUGA DASAR POLITIK.

"SEKIRANYA IA HANYA DASAR EKONOMI, KITA AKAN HANYA MEMENTINGKAN PERTUMBUHAN. TAPI SEMUA ORANG TAHU SEKIRANYA KITA HANYA MEMENTINGKAN PERTUMBUHAN EKONOMI TANPA MEMPERHETONGKAN SOAL PEMBAHAGIAN KEKAYAAN, KITA PASTI MENGHADAPI MASALAH KETIDAK STABILAN POLITIK," JELAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT WALAUPUN TERPAKSA MENGEKALKAN KESTABILAN POLITIK, PERTUMBUHAN EKONOMI YANG DICAPAI OLEH NEGARA DI BAWAH DASAR TERSEBUT SETAKAT INI ADALAH BAIK. — BERSAMBUNG
1715/LK

B562:

MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

+KALAU KITA CUMA PENTINGKAN PERTUMBUHAN, KITA LUPAKAN TENTANG KEMISKINAN DI LUAR BANDAR, KITA LUPAKAN HAKIKAT BAHAWA ORANG-ORANG MELAYU DAN CINA MASIH TIDAK MEMPUNYAI PENCAPAIAN YANG SEIMBANG DALAM EKONOMI, SAYA YAKIN KADAR PERTUMBUHAN YANG AKAN KITA CAPAI TENTU LEBIH HEBAT.+

+TAPI PADA MASA YANG SAMA KITA AKAN MENGHADAPI KETIDAK-STABILAN POLITIK YANG DAHSYAT DAN SEGALA-GALANYA YANG KITA BUAT SELAM INI AKAN MUSNAH,+ TAMBAH BELIAU.

MEMANDANGKAN KEPADA HAKIKAT TERSEBUT, PERDANA MENTERI MENEGASKAN DASAR EKONOMI BARU AKAN DITERUSKAN DAN KEGIATAN-KEGIATAN YANG DILAKSANAKAN DI BAWAH DASAR ITU DIPERHEBATKAN LAGI.

KATANYA DASAR TERSEBUT PERLU JUGA DIJELASKAN LAGI KERANA KEBANYAKAN DARIPADA MASA TIDAK PUAS HATI YANG TERDAPAT SELAMA INI BERPUNCA DARIPADA MURANG PENGERTIAN TENTANG DASAR ITU.

DALAM BERTUTUR DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN TORNO MEMBELI HARTA-HARTA YANG DIMILIKI OLEH SYARIKAT ASING SEKIRANYA DITAWARKAN UNTUK JUALAN. -- BERSAMBUNG 1758/AZ

B563:

MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

+TAPI MASANYA AKAN TIBA APABILA SEMUA HARTA ASING YANG ADA DI NEGARA INI HABIS DIBELI DAN PADA MASA ITU SEKIRANYA KITA ADA WANG KITA BOLEH BELI MANA-MANA SAHAM SAJA. KITA MUNGKIN BOLEH MEMBELI SYARIKAT-SYARIKAT ASING YANG BERGIAT DI NEGARA INI.+

+HAKIKAT BAHAWA MEREKA ITU MELABOR DI SINI DAN MEMILIKI 100 PERATUS SAHAM TIDAK BERMAKNA YANG KITA TAK BOLEH BELI SYARIKAT ITU. SEKIRANYA MEREKA HENDAK JUAL, KITA BELI,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

BELIAU MENYATAKAN RASA KESAL BAHAWA PEMBELIAN SAHAM GUTHRIE OLEH PERMODALAN NASIONAL BERHAD BARU-BARU INI TELAH DISIFATKAN OLEH SETENGAH KALANGAN SEBAGAI PERBUATAN +MENGHAKNEGARAKAN+ SYARIKAT SECARA PINTU BELAKANG.

+KITA CUMA BUAT APA YANG ORANG LAIN BUAT. ORANG-ORANG ARAB PUN BUAT BEGITU DAN ORANG-ORANG LAIN JUGA BUAT BEGITU.+

+PADA SATU KETIKA ORANG-ORANG JEPUN PUN BELI SYARIKAT BRITISH DAN AMERIKA. JADI, MENGAPA RAKYAT MALAYSIA TAK BOLEH BELI? KITA JUGA SAMA DENGAN ORANG LAIN,+ KATANYA.

— BERSAMBUNG 1800/AZ

B5641

MAHATHIR 8 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERPADUAN KAUM, DATUK SER DR. MAHATHIR MENEGASKAN ADALAH MENJADI KEPERCAYAAN BELIAU BAHAWA SEGALA PRA-SANGKA KAUM YANG ADA SEKARANG AKAN DAPAT DIHAPUSKAN APABILA MASYARAKAT MALAYSIA TERSUSUN SEMULA SEBAGAIMANA YANG DIHASRATKAN OLEH DASAR EKONOMI BARU.

DALAM KEADAAN DALAM MANA, BERBAGAI-BAGAI KAUM TELAH MENCAPAI TARAF EKONOMI YANG SEIMBANG DAN PENGENALAN KAUM TIDAK LAGI DI-DASARKAN KEEADA PEKERJAAN, PERASAAN RAGU-RAGU DAN TAKUT ANTARA SATU SAMA LAIN SEPERTI YANG ADA SEKARANG AKAN LENYAP DENGAN SENDIRINYA.

BELIAU MENOLAK PENDAPAT BAHAWA PERPADUAN KAUM KINI TELAH MEROSOT JIKA DIBANDINGKAN DENGAN MASA-MASA YANG LALU, TERUTAMA SEBELUM PERISTIWA 13 MEI, 1969.

+PERKARA-PERKARA SEMACAM INI ADALAH PERKARA-PERKARA YANG RELATIF. KALAU KITA BANDING KEADAAN SEKARANG DENGAN MASA DEPAN, BARANGKALI KITA BELUM CAPAI TAHAP YANG SEPATUTNYA KITA CAPAI+.

+KALAU KITA BANDING KEADAAN DI NEGARA KITA DENGAN KEADAAN DI NEGARA-NEGARA LAIN YANG PENDUDUKNYA TERDIRI DARI BERBAGAI KAUM, MUNGKIN DIANGGAP BAHAWA KEADAAN DI NEGARA KITA ADALAH LEBIH BAIK. TETAPI KALAU KITA BANDING DENGAN NEGARA YANG BETUL-BETUL BERPADU, UMPAMANYA NEGARA YANG MEMPUNYAI PENDUDUK HANYA DARIPADA SATU KAUM, KITA BELUM SAMPAI KE TAHAP ITU; TAPI TEPAT KALAU KITA KATA BOLEH DIPERBAIKI LAGI,+ JELAS BELIAU. — BERSAMBUNG 1803/AZ

B5821

MAHATHIR 9 KUALA LUMPUR ٩'٩'٩'

MENYENTUH TENTANG HUBUNGAN MALAYSIA-BRITAIN YANG PADA AKHIR-AKHIR INI AGAK "TERJEJAS" BERIKUTAN DENGAN SALAH-TAFSIRAN OLEH AKHBAR-AKHBAR BRITISH TENTANG ARAHAN KERAJAAN BARU-BARU INI MENGENAI KONTRAK DENGAN FIRMA-FIRMA BRITISH, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BELIAU SENDIRI TIDAK FAHAM MENGAPA ARAHANNYA HARUS DISALAHMENGERTIKAN.

45

KATANYA: "SIKAP KITA TERHADAP BRITAIN ADALAH JELAS, SUNGGUH JELAS. KITA TIDAK MEMUTUSKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN DENGAN NEGARA ITU. KITA TIDAK MEMULAKAN BARANG-BARANG BRITISH. APA YANG KITA KATA IALAH KITA TIDAK AKAN MEMBELI DARI BRITAIN KALAU BOLEH. KALAU TAK BOLEH KITA BELI JUGA."

PERDANA MENTERI LALU MEMBERI JAMINAN KEPADA BAKAL PELABUR ASING BAHAWA MALAYSIA TERUS MENGALAKKAN PELABURAN ASING SEPERTI PADA MASA-MASA YANG LALU.

KALAU ORANG-ORANG BRITISH INGIN MELABUR DI NEGARA INI MEREKA TETAP DIALU-ALUKAN. JELAS BELIAU, SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT BRITISH YANG BERGERAK DI NEGARA INI TIDAK TERLIBAT DENGAN ARAHAN TERBARU KERAJAAN ITU. — BERSAMBUNG 1906/LK

B5831

MAHATHIR 10 KUALA LUMPUR ๙'๙'๙'

"INI IALAH KERANA MEREKA MENGELUARKAN BARANG-BARANG MEREKA DI SINI. BARANG YANG MEREKA KELUARKAN ADALAH BARANG MALAYSIA DAN MEREKA BOLEH JUAL KEPADA KITA, KITA AKAN BELI." TEGASNYA.

MENGENAI HUBUNGAN ANTARABANGSA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN MALAYSIA MEMPUNYAI KEUTAMAANNYA SENDIRI DALAM MENGENDALIKAN HUBUNGANNYA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN.

"KEUTAMAAN KITA YANG PERTAMA IALAH DENGAN NEGARA-NEGARA ASEAN. YANG KEDUANYA, DENGAN NEGARA-NEGARA ISLAM, KETIGA DENGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DAN AKHIR SEKALI DENGAN KOMANWEL." KATANYA.

"WALAUPI KITA MEMPUNYAI KEUTAMAAN INI, JARAK ANTARA SATU SAMA LAIN TIDAKLAH PULA SAMA."

PERDANA MENTERI MENERANGKAN, SENARAI KEUTAMAAN ITU BOLEH DIUBAH DARI SATU MASA KE SATU MASA, TERPULANGLAH KEPADA KEADAAN.

DALAM KEADAAN SEKARANG KOMANWEL DILETAKKAN TERAKHIR SEKALI DALAM SENARAI BERDASARKAN PADA KEADAAN SEKARANG DALAMANA DASAR SETENGAH NEGARA-NEGARA ANGGOTA DIANGGAP TIDAK MENGUNTUNGKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN KHUSUSNYA MALAYSIA.

"TETAPI KALAU PADA SATU MASA NANTI KOMANWEL BENAR-BENAR MENGUNTUNGKAN, KITA MUNGKIN UBAH SENARAI KITA," JELAS PERDANA MENTERI. — BERNAMA 1910/LK